

## Adab Berkomunikasi Secara Berkesan dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan

FARRA HUMAIRAH MOHD

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

NIK RAFIDAH NIK MUHAMAD AFFENDI

FAZILAH HUSIN

*Universiti Putra Malaysia*

ANIDA SARUDIN

NUR FARAHKHANNA MOHD RUSLI

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

### ABSTRAK

Cerpen kanak-kanak masa kini telah mencetuskan ketidakpuasan hati para Panel Penilai Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) akibat kemerosotan mutu penghasilan cerpen kanak-kanak. Selain itu, ada juga sesetengah individu beranggapan bahawa cerpen kanak-kanak ini ditulis mengikut kaca mata penulis dewasa dan tidak memenuhi konsep sastera kanak-kanak serta psikologi kanak-kanak. Sehubungan itu, karya-karya yang wataknya terdiri daripada golongan dewasa terus dinikmati oleh kanak-kanak sehingga akhirnya merumitkan pendefinisan kesusasteraan kanak-kanak. Justeru, objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti watak kanak-kanak yang berkomunikasi secara berkesan dalam cerpen kanak-kanak pilihan dan menganalisis adab berkomunikasi antara watak-watak tersebut yang diungkapkan oleh pengarang berdasarkan enam (6) kaedah komunikasi dalam *Surah Luqman*. Metodologi kajian yang digunakan ialah kaedah analisis teks. Terdapat 5 kumpulan cerpen kanak-kanak pilihan yang digunakan dalam kajian ini iaitu kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 hingga 2015. Dapatkan kajian menunjukkan cerpen kanak-kanak pilihan yang diteliti menepati enam (6) adab berkomunikasi dalam *Surah Luqman* iaitu menggunakan kaedah i) panggilan dan sapaan, ii) perlambangan, iii) pengulangan, iv) penjelasan, v) perhatian, vi) pemilihan idola. Hal ini bermakna menerusi komunikasi yang beradab, segala urusan kanak-kanak dapat dilalui dengan mudah dan menemui kejayaan. Hal inilah yang cuba dibuktikan dalam karya sastera kanak-kanak Melayu khasnya cerpen sebagai salah sebuah karya sastera yang berfungsi bukan sahaja memberi pengajaran tetapi menghiburkan khalayaknya. Justeru, sudah sampai masanya bahan bacaan kanak-kanak di Malaysia ini perlu mengetengahkan khazanah warisan yang diwarisi sejak turun-temurun dan bukannya bergantung kepada karya-karya dari Barat yang jauh menyimpang daripada adab ketimuran apatah lagi nilai-nilai kelslaman.

**Kata kunci:** Adab, komunikasi, cerpen kanak-kanak pilihan, watak kanak-kanak, Surah Luqman.

### The Effectively Adab of Communication in Selected Children's Short Stories

### ABSTRACT

Today's children's short stories have sparked the dissatisfaction of the Malaysian Prime Literary Prize Evaluation Panel (HSPM) due to the decline in the quality of children's short stories. In this regard, the works whose characters consist of adults continue to be enjoyed by children until they eventually

complicate the definition of Children's Literature. In addition, there are also some individuals who think that these children's short stories are written through the eyes of adult writers and do not meet the concept of children's literature and children's psychology. Therefore, the objective of this study is to identify children's characters who communicate effectively in selected children's short stories and analyze the manners of communication between those characters expressed by the author based on six (6) communication methods in Surah Luqman. The research methodology used is a qualitative method which is a text analysis method. There are 5 selected anthology of children's short stories that are used in this study, which are groups of children's short stories from 2012 to 2015. The findings of the study found that the selected children's short stories that were studied comply with the six (6) manners of communicating in Surah Luqman, which are using methods i) calling and greeting, ii) symbolism, iii) repetition, iv) explanation, v) attention, vi) idol selection. This means that through civilized communication, all children's affairs can be passed easily and find success. This is what is tried to be proven in Malay children's literary works, especially short stories as one of the literary works that not only teaches but also entertains the audience. Finally, it is time that the child reading material in Malaysia being replaced by the heritage treasures inherited from generations rather than relying on Western folklore which is far deviating the audience from adab and desired values.

**Keywords:** *Adab, communication, children's short stories, child characters, Surah Luqman.*

## PENGENALAN

Karya sastera merupakan satu khazanah yang amat bernalih. Justeru, kita sebagai generasi pewaris haruslah menghargai sesebuah karya sastera agar tidak luput ditelan zaman. Oleh hal yang demikian, bagi mengembangkan lagi sesebuah karya sastera, seharusnya bermula dari peringkat kanak-kanak lagi. Pada peringkat ini, karya sastera seperti cerpen amat bersesuaian sekali untuk pembacaan kanak-kanak. Malah, kanak-kanak juga dapat mengetahui dengan lebih lanjut mengenai sesuatu cerita berkenaan dengan tujuan untuk pembentukan nilai yang baik. Sastera sejak awal lagi telah memperlihatkan penglibatan langsung dengan pergolakan dan kehidupan masyarakat atau pembacanya. Sastera telah menjadi satu alat untuk menyuarakan resah gelisah, mimpi, harapan dan pengalaman masyarakat. Salah satu karya sastera yang menjadi cermin masyarakat adalah cerpen.

Cerpen sebagai salah satu bentuk karya sastera menawarkan suatu model pemikiran yang menceritakan suatu peristiwa luar biasa yang pernah terjadi atau mungkin akan dialami manusia melalui tokoh-tokoh cerita. Kejadian atau peristiwa yang luar biasa itu sentiasa diikuti oleh konflik-konflik yang membentuk suatu alur cerita. Melalui alur itulah penulis mengatur tema cerita, watak, gambaran suasana peristiwa, gambaran tempat terjadinya peristiwa dan klimaks cerita.

Dalam hubungannya dengan sejarah pertumbuhan dan perkembangan sastera kanak-kanak, usia cerpen kanak-kanak ternyata masih baru jika dibandingkan dengan usia cerpen bacaan umum. Secara amnya, peringkat awal kemunculan cerpen kanak-kanak dapat dikesan pada sekitar tahun 1956 apabila Pejabat Karang-Mengarang menganjurkan Peraduan Menulis Cerita Pendek. Kemudiannya, cerpen kanak-kanak ini menjadi semakin berkembang pesat pada dekad 1960-an sehingga kini dengan adanya wadah penampungan seperti Utusan Kanak-kanak (1956), Utusan Pelajar (1970), Dewan Pelajar (1967), Dewan Siswa (1979) dan sebagainya lagi (Othman Puteh, 2000, hlm. 75).

Cerpen yang dihidangkan kepada khalayak pembaca mengandungi pelbagai kategori mengikut tahap kematangan intelektual seseorang. Beberapa orang sarjana negara ini mengategorikannya kepada cerpen dewasa (umum), cerpen remaja dan cerpen kanak-kanak (Misran, 2009, hlm. 5). Seperti yang ketahui, kelompok kanak-kanak merupakan golongan terpenting dalam sesebuah negara. Azman Wan Chik (1989, hlm. 12) menyatakan kelompok ini akan meneruskan agenda pembangunan negara, mengambil alih kepimpinan masa akan datang dan menjadi penggerak dalam pelbagai aktiviti seiring dengan arus pembangunan perdana. Mahzan Arshad (2004, hlm. 20) pula menegaskan kanak-kanak ialah komponen pelapis dalam sesebuah negara dan menjana pemantapan dalam bidang ekonomi, politik dan sosial yang mengisi ruang kehidupan masyarakat.

Oleh itu, kanak-kanak merupakan aset negara yang sangat bernilai. Hal ini kerana, kelompok inilah yang bakal menjadi golongan intelektual, profesional, penyambung generasi dan mencorakkan negara pada masa hadapan. Golongan ini yang akan menguasai suasana dalam sesuatu perkara atau peristiwa, termasuklah dunia sastera yang semakin berkembang pesat kini. Hal ini disebabkan perasaan ingin tahu golongan ini dalam mencuba sesuatu perkara yang baharu. Seperti yang kita sedia maklum, kanak-kanak sememangnya menyukai sesuatu yang baharu yang boleh memberikan keseronokan dan kepuasan dalam diri mereka.

Secara tidak langsung, kajian ini dapat memperkuatkkan hubungan antara sastera kanak-kanak dengan Kesusastraan Melayu Modern iaitu cerpen dan menolak penerusan bahan stereotaip daripada karya-karya Barat yang telah lama menjadi bacaan utama kanak-kanak di Malaysia. Akhirnya dapat membuktikan bahawa hubungan kedua korpus ilmu ini saling berkesinambungan dan saling melengkapi antara satu sama lain. Kajian ini mempunyai dua objektif utama iaitu 1) Mengenal pasti watak kanak-kanak yang berkomunikasi secara berkesan dalam cerpen kanak-kanak pilihan; dan 2) Menganalisis adab berkomunikasi antara watak-watak tersebut yang diungkapkan oleh pengarang berdasarkan enam (6) kaedah komunikasi dalam *Surah Luqman*.

#### SOROTAN KAJIAN

Meneliti kajian sastera kanak-kanak pelbagai perspektif oleh beberapa pengkaji tanahair, didapati tidak banyak direkodkan pada awal dan pertengahan abad ke-20. Hanya nama-nama seperti Salma Ayob (1981), Nijhar (1984) dan Sulaiman Masri (1984) melakukan kajian berfokus kepada kaedah dan kesan pendidikan kepada kanak-kanak. Namun pada era ke-21, kemunculan ramai pengkaji yang terdiri daripada para sarjana dan pelajar pasca siswazah membayangkan bahawa penyelidikan sastera kanak-kanak secara saintifik mula mendapat tempat dalam kalangan generasi muda. Nama-nama seperti Othman Puteh (2000), Izzah Abdul Aziz (2001), Misran Rokimin (2001), Mohd. Sharif Mohd. Saad dan Alimah Salam (2001), Faridah Samsudin (2003), Hadijah Rahmat (2006), Mahzan Arshad (2004), Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Effendi (2011), Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dan Lily Salwani Razali (2011), Siti Zuhaidah Zakaria dan Nik Rafidah Nik Muhamad Effendi (2014), Arba'ie Sujud, Nurul Azimah Abdull Sedik, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dan Intan Zahariah Gaisun (2014), Fazilah Abu Bakar dan Nik Rafidah Nik Muhamad Effendi (2016), Farra Humairah dan Nik Rafidah Nik Muhamad Effendi (2016), Farra Humairah Mohd (2018) dan Nik Rafidah Nik Muhamad Effendi,

Awang Azman Awang Pawi dan Rahimah Hamdan (2018) adalah antara pengkaji yang menjurus kepada pengkajian genre ini secara komprehensif.

Berdasarkan sorotan literatur di atas, tidak banyak kajian yang khusus menyorot kepada cerpen kanak-kanak sebagai bahan utama kepada pengkajian sastera kanak-kanak. Apatah lagi, kajian mengenai adab berkommunikasi dalam genre ini belum pernah dilakukan. Hanya Rahimah Hamdan dan Arba'ie Sujud (2018) yang menggunakan bahan kajian *Hikayat Berbingkai* iaitu *Hikayat Khoja Maimun* tetapi dalam konteks ‘perancangan bestari’ dengan aplikasi pendekatan pengurusan Mohamad Mokhtar terhadap teks tersebut. Manakala Rahimah dan Siti Nor Harmiza (2019) pula lebih mengkaji adab dalam konteks raja dan pemerintahannya dengan membandingkan karya epiq *Hikayat Iskandar Zulkarnain* dengan karya ketatanegaraan Melayu tersohor iaitu *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-raja)*. Justeru, kajian lepas berkaitan dengan cerpen kanak-kanak sebagai bahan utama dalam kajian adab berkommunikasi ini sememangnya belum pernah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini.

Meneliti kajian mengenai adab berkommunikasi berdasarkan Al-Quran (khususnya *Surah Luqman*) telah dilakukan oleh Khairul (2017) yang menekankan kepada kaedah pembentukan karektor anak-anak. Safinah (2018) pula memfokuskan kepada peranan ‘bapa’ dalam menasihati anak-anak serta Safinah et al. (2019) yang menghuraikan adab komunikasi dalam institusi kekeluargaan. Kemudian kajian mengenai adab berkommunikasi berdasarkan kepada *Surah Luqman* ada dilakukan oleh Rahiman (2021) yang menekankan kepada adab berkommunikasi dalam *Hikayat Khoja Maimun*. Menerusi kajian ini, didapati watak-watak yang berkommunikasi dalam *Hikayat Khoja Maimun* ialah burung Tiung dan burung Bayan. Dapatkan kajian ini mendapati *Hikayat Khoja Maimun* lebih memerihalkan nasihat sebagai elemen penting dan dianalisis dengan menggunakan enam (6) kaedah berkommunikasi berdasarkan *Surah Luqman*.

Penelitian mendapati bahawa tiada satu pun diterapkan atau menggunakan teks dalam Kesusteraan Melayu Moden apatah lagi cerpen kanak-kanak sebagai bahan kajian. Bertitik-tolak dari sinilah, kajian ini dilakukan terutama dalam membuktikan bahawa cerpen kanak-kanak perlu diperluaskan penerapannya sebagai bahan kreatif kepada sastera kanak-kanak khususnya. Apatah lagi cerpen kanak-kanak ini merupakan genre Prosa Melayu Moden yang melibatkan karya kreatif yang telah diadun dengan kebijaksanaan pengarang.

#### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang memusatkan kajian terhadap teks cerpen kanak-kanak pilihan secara keseluruhannya. Malah, dengan menggunakan kaedah ini maka data yang dikumpul dan diperoleh akan menjadi lebih lengkap (Azizi Yahya et al., 2007). Selain itu, pengkaji turut menggunakan kaedah analisis kandungan iaitu pengumpulan data dan analisis data bersumberkan kepada kandungan teks cerpen bertulis yang dipilih. Oleh sebab kajian ini memberi tumpuan khusus kepada analisis terhadap teks kumpulan cerpen kanak-kanak terpilih dari tahun 2012 hingga 2015, maka kaedah ini memberi kelebihan kepada pengkaji lebih dekat dengan teks yang akan dianalisis.

Di samping itu, pengkaji menggunakan enam (6) kaedah komunikasi dalam Al Quran menerusi *Surah Luqman* (Khairul, 2017) untuk menganalisis objektif kedua. Walaupun surah ini menitikberatkan nasihat ibu bapa kepada anaknya, namun kajian akan menggunakan pendekatan ini kerana teks cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji lebih memerihalkan nasihat

sebagai elemen penting untuk membimbing dan memberikan nasihat kepada kanak-kanak. Justeru, amat tepat diselesaikan dengan menggunakan enam (6) kaedah berkomunikasi berdasarkan *Sural Luqman* ini.

Seterusnya, pengkaji telah memilih empat buah kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 hingga 2015 untuk dibincangkan. Hal ini sepetimana yang dilampirkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Empat Judul buah kumpulan cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir yang menjadi bahan kajian.

Bil	Judul Kumpulan Cerpen	Jumlah Cerpen	Tahun Terbit	Penerbit	Pengarang
1.	'Wajah Pada Skrin'	25 buah cerpen	2012	Aras Mega (M) Sdn. Bhd	Ahmad Fadzillah Muhamad
2.	'Kisah Si Puteri Gaun Merah Jambu'	5 buah cerpen	2013	PTS One Sdn. Bhd	Natasha Effyzal, Aizam Aiman, Iman Qaisara, Haryani Kamilan & Adha Ameera.
3.	'Kerana Ais Krim & Makaron'	5 buah cerpen	2014	Ana Muslim Sdn. Bhd	Nur Shamsiah On
4.	'Kek Cawan Online'	15 buah cerpen	2015	PRIMA Sdn. Bhd	Kamil, Kusyi Hirdan, Roziah Adama, Siti Zarinah & Tg. Norlaila.

#### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Kehadiran cerpen kanak-kanak dalam arena kesusastraan di Malaysia kini dapat diakui kepentingannya. Tidak keterlaluan jika dikatakan cerpen kanak-kanak sebagai karya sastera kanak-kanak yang dapat membangunkan perkembangan Kesusastraan Melayu. Selain itu, karya sastera bukannya semata-mata untuk dinikmati keindahan bahasanya sahaja sehingga menimbulkan rasa simpati, kagum dan taasub kepada karya itu, bahkan isi kandungannya dapat memberikan mesej yang berguna kepada para pembaca khususnya kepada kanak-kanak.

Pendapat ini selari dengan kenyataan Siti Khariah (2011, hlm. 146) yang mengatakan bahawa isi kandungan dalam karya sastera buat pembaca adalah lebih luas dan berfaedah kepada diri, masyarakat dan negara terutamanya dalam melahirkan insan yang baik dari pelbagai aspek kehidupan. Oleh itu, fikiran yang ditimbulkan oleh seseorang pengarang dalam karya mereka amatlah penting sebagai bahan untuk golongan pembaca terutamanya kanak-kanak mendapat ilmu bagi membangunkan negara khususnya melibatkan aspek jasmani, akhlak, rohani dan intelek.

Malahan, sastera juga dianggap sebagai medium penjaga peradaban dan penghimpun ajaran yang dapat mendidik manusia dengan adab yang harus dikekalkan agar dapat diwarisi oleh generasi akan datang (Samsudin, 2001). Bersesuaian dengan agama Islam sebagai agama yang 'mendefinisikan' Melayu, sastera dikenali sebagai '*al-adabi*' iaitu sastera yang datang daripada jiwa yang halus (beradab) dan bertujuan mendidik serta mengasuh hati nurani khalayak dengan

nilai-nilai murni sehingga jiwa mereka turut menjadi halus dan lembut (Muhd Norizam & Shaiful, 2015, hlm. 184). Sebagaimana pendapat Syed Muhammad Naquib al-Attas (2001, hlm. 54) bahawa sekiranya sastera adalah ‘al-adabi’ maka insan yang beradab (*adabi*) pastinya digelar ‘insan adabi’. Ini bermakna ‘adab’ mengambil kira unsur-unsur keilmuan, kerohanian dan akhlak seperti yang telah digunakan oleh Rasulullah S.A.W dan para ilmuwan terdahulu iaitu:

“Pengenalan dan pengiktirafan hakikat bahawa ilmu dan segala yang wujud teratur bertingkat-tingkat mengikut martabat dan darjatnya masing-masing. (Serentak dengan itu) adab juga ialah pengenalan dan pengiktirafan tempat yang wajar bagi seseorang berhubung dengan hakikat tersebut serta dengan kebolehan dan potensi jasadi, akli dan rohani diri masing-masing”.

(Al-Attas, 2001, hlm. 54)

Manakala ‘komunikasi’ menurut Byrnes (1975) dipetik dalam Abdul Mua’ti (2001) menyatakan bahawa komunikasi adalah satu proses interaksi antara manusia yang melibatkan pertuturan dan pertukaran pendapat, gerak isyarat atau simbol. Proses interaksi ini berlaku untuk mencapai objektif seperti bertukar-tukar maklumat, mempengaruhi tingkah laku, memujuk mahupun menukar keadaan fizikal dan mental manusia. Hybels dan Weaver (2001) pula mentakrifkan komunikasi sebagai proses perkongsian maklumat, pendapat dan perasaan dari individu kepada individu yang lain. Abrams (1986) dipetik dalam Abdul Mua’ti (2001) mendefinisikan komunikasi sebagai satu proses yang berterusan iaitu berlaku proses pemindahan maklumat dan maklum balas daripada penutur kepada penerima.

Berdasarkan kajian komunikasi kanak-kanak, pendekatan interaksi-fungsional oleh Halliday (1975) menyatakan bahawa kanak-kanak mempelajari makna bahasa disebabkan terdapat hubungan sistematik yang selari dengan apa yang didengari oleh mereka dengan apa yang berlaku di sekeliling mereka. Tujuan kanak-kanak berkomunikasi, wujud secara semula jadi daripada sistem andaian dan pemahaman yang terhasil daripada ritual pada proses pembelajaran awal mereka (Cook-Gumperz & Corsaro, 1977). Kebiasaanannya kanak-kanak berkomunikasi dengan tujuan untuk menyatakan sesuatu hasrat yang terpendam dalam hati mereka. Contohnya seperti menyatakan sesuatu, mengarah ataupun membuat permintaan.

Dalam kajian ini konsep komunikasi interpersonal tidak akan digunakan secara rinci tetapi sekadar ingin menerangkan bahawa berlaku adab berkomunikasi menerusi teks cerpen kanak-kanak pilihan. Secara ringkasnya, adab berkomunikasi dalam teks cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji jika dianalisis sememangnya banyak ditonjolkan oleh pengarang. Kebiasaanannya, hal ini terpapar menerusi tema, peristiwa yang berlaku dalam karya, watak dan perwatakan yang digambarkan dan sebagainya lagi. Justeru, dalam kajian ini adab berkomunikasi merangkumi enam kaedah komunikasi dalam Al Quran menerusi Surah Luqman iaitu **i) panggilan dan sapaan, ii) perlambangan, iii) pengulangan, iv) penjelasan, v) perhatian, vi) pemilihan idola**. Kebiasaanannya, kesemua aspek utama ini terpapar menerusi tema, peristiwa yang berlaku dalam karya, watak dan perwatakan yang digambarkan dan juga melalui latar yang diketengahkan dalam karya.

*Objektif 1: Watak yang Berkommunikasi dalam Teks Cerpen Kanak-Kanak Pilihan*

Berdasarkan cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji, terdapat beberapa watak utama kanak-kanak yang mendasari cerita pokok iaitu watak Aqilah dalam cerpen *Selagi Masih Ada*, karya Ahmad Fadzillah Muhamad (2012), watak Izyan dari cerpen *Puteri Dian Adelia*, karya Natasha Effyzal (2013), watak Tihani dalam cerpen *Asam Pedas Tok Wan* karya Nur Shamsiah On (2001) dan watak Anis dalam cerpen *Pesan Emak*, karya Kamil et al. (2015).

*a) Watak Izyan dan Watak Anis*

Kedua-dua teks ini memaparkan beberapa peristiwa dari awal komunikasi antara beberapa watak yang dalam cerita dasar dan bagaimana watak-watak tersebut berinteraksi pada akhir setiap cerita. Misalnya pada awal cerita kedua-dua watak ini menunjukkan adab berkommunikasi dengan sikap kasih sayang dan kesabaran yang tinggi terhadap keluarga. Konsep kesabaran yang dominan diterapkan ialah yang berhubung dengan watak-watak yang dapat menerima ketentuan tuhan. Perihal kesabaran berkait rapat dengan keimanan seseorang kepada penciptanya. Kita sebagai manusia tidak dapat menolak ketentuan tuhan sama ada baik atau buruk.

Contohnya dalam cerpen “Pesan Emak” karya Kamil et al. (2015), memperlihat watak Anis yang sabar dalam menghadapi dugaan hidup. Anis merupakan anak yatim yang bijak dalam menyelesaikan masalah atau persoalan hidup yang penuh cabaran. Ciri-ciri kesabaran yang terdapat dalam diri Anis, dapat dijadikan sebagai panduan kepada kanak-kanak. Sikap sabar Anis dapat dilihat apabila dia berdepan dengan masalah keluarga. Masalah keluarga Anis ialah konflik antara nenek dengan ayahnya. Anis mampu mengawal emosi antara kehendak diri yang perlukan kasih sayang dengan kehendak nenek yang tidak mengizinkannya berhubung dengan ayah kandungnya. Berkat kesabaran Anis, akhirnya dia mendapat kasih sayang kedua-dua orang tersayang iaitu ayah dan neneknya. Hal ini dapat dibuktikan melalui contoh petikan berikut:

...Pesan emak, paling penting Anis **jangan tinggal solat. Mesti berbuat baik sesama manusia dan nanti bila dah ada rezeki sendiri selalu bersedekah...**”

“Emak berpesan, suruh Anis selalu **berhubung dengan ayah...**” Anis merenung wajah neneknya. “Kata emak, yang **bersengketa ialah emak dan ayah.** Anis **jangan menyebelahi mana-mana pihak.**”

“Tetapi... **ayah tidak peduli pun Anis.**” **Budak itu ternyata menyimpan sebuah rajuk.** Nenek Ana pasti Anis jauh hati. “Anis, bukankah dia ada datang masa emak Anis meninggal dahulu? Memanglah ada. Selepas itu dia tak hubungi Anis pun...” Nenek Ana melepaskan keluhan panjang. Nenek minta maaf, Anis. Sebenarnya ayah Anis ada hubungi Anis tetapi nenek yang tak benarkan dia bercakap dengan Anis.”

(Cerpen Pesan Emak, hlm. 33-43)

Selain itu, watak Izyan dari cerpen ‘Puteri Dian Adelia’, karya Natasha Effyzal (2013) turut memperlihatkan adab berkommunikasi yang berkesan menerusi aspek kasih sayang terhadap keluarga. Di sini, pengarang menonjolkan watak Izyan iaitu seorang kanak-kanak perempuan yang sangat kasih dan sayang terhadap keluarganya terutama ibu dan adik-adiknya. Hal ini dilihat apabila Izyan tidak senang hati dan sering merasa takut jika terjadi sesuatu yang tidak diingini ke

atas ibunya kerana penyakit yang menimpa ibunya selama ini. Malah, Izyan juga merupakan satu-satunya tempat ahli keluarganya bergantung hidup setelah kematian ayahnya. Hal ini kerana elauan persekolahan Izyan menjadi tumpungan perbelanjaan mereka sekeluarga selama ini. Contoh dapat dilihat melalui petikan berikut:

“**S**ebenarnya, **saya tidak selesa berbuka puasa di rumah awak** tempoh hari. **S**aya rasa bersalah kerana menikmati makanan yang enak-enak sedangkan keluarga saya di rumah makan ala kadar. Sebab itu, **saya makan sedikit sahaja**. **S**aya terkenang mereka. Selain itu, **saya juga serba salah kerana saya tidak ada tabungan bagi membelikan baju raya untuk adik-adik saya**. Sudah dua kali raya mereka tidak berganti baju. **S**aya terkilan kerana sebagai kakak sulung, **saya tidak dapat buat apa-apa**. **S**aya tidak kisah tidak ada baju baru untuk raya tetapi **saya rasa bersalah kerana tidak mampu menyediakan baju raya untuk adik-adik saya.**” jelas Izyan panjang lebar.

(Cerpen *Puteri Dian Adelia*, hlm. 1-62)

Berdasarkan petikan tersebut, pengarang menggambarkan adab berkommunikasi yang penuh dengan sikap kasih sayang yang sangat utuh antara seorang anak terhadap ibunya. Walaupun si anak (Izyan) masih lagi kanak-kanak yang memiliki keinginan dan keperluan seperti kanak-kanak normal yang lain iaitu memiliki keinginan untuk berkawan, bermain, bersuka ria bersama-sama teman-teman dan sebagainya. Namun, dia sanggup mengorbankan kesemuanya itu bagi menjaga kesejahteraan kesihatan ibunya serta menjaga masa depan adik-adiknya. Oleh itu, adab berkommunikasi sebegini mampu membentuk keperibadian yang mulia dalam diri kanak-kanak. Selain itu, kanak-kanak juga mampu membentuk nilai kasih sayang dalam diri mereka agar ikatan kasih sayang ini dapat menjanjikan kebahagiaan dalam kehidupan kanak-kanak.

Kesabaran Anis dan Izyan yang melambangkan tindakan mereka yang amat sangat terpuji dan penuh dengan kasih sayang terhadap keluarga. Apatah lagi terdapat beberapa ayat yang memperlihatkan mereka lebih mementingkan keluarga berbanding diri sendiri. Misalnya ayat seperti:

1. **saya** tidak selesa berbuka puasa di rumah awak...
2. **Saya** rasa bersalah kerana menikmati makanan yang enak-enak...
3. **Saya** makan sedikit sahaja.
4. **Saya** terkenang mereka.
5. **saya** juga serba salah kerana saya tidak ada tabungan bagi membelikan baju raya untuk adik-adik saya.
6. **Saya** terkilan kerana sebagai kakak sulung, saya tidak dapat buat apa-apa.
7. **Saya** tidak kisah tidak ada baju baru...
8. **saya** rasa bersalah kerana tidak mampu menyediakan baju raya untuk adik-adik saya.

Berdasarkan ayat-ayat di atas, di dapati lapan (8) kali perkataan ‘saya’ digunakan dalam teks ini yang menggambarkan betapa positifnya tindakan dan kelakuan yang dimainkan oleh Tihani dan Anis kepada keluarganya. Persoalan-persoalan inilah yang memperlihatkan watak kanak-kanak ini yang rela mementingkan keluarga dahulu berbanding diri sendiri. Melalui

persoalan inilah yang menggambarkan abad berkomunikasi yang berkesan dan terpuji yang perlu dititikberatkan kepada kanak-kanak.

*b) Watak Aqilah dan Watak Tihani*

Beberapa adab komunikasi watak Aqilah dan watak Tihani turut ditemui dalam teks cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji bermula dengan amalan kepatuhan kepada ibu bapa. Antaranya melalui watak Aqilah dalam cerpen *Selagi Masih Ada*, karya Ahmad Fadzillah Muhamad (2012) yang diperlihat sebagai seorang kanak-kanak yang sangat patuh kepada kedua-dua ibu bapanya. Kepatuhan yang dimaksudkan di sini iaitu memenuhi kehendak orang tua dengan rela hati. Aqilah di dalam cerpen ini tidak pernah sekalipun membantah perkara yang diputuskan oleh ayahnya. Sejajar dengan prinsip dalam teori keperluan manusia yang menyatakan perasaan hormat dan patuh kepada orang lain. Baginya, keputusan yang dibuat oleh orang tuanya itu harus dituruti tanpa perlu dipersoalkan. Contoh adab berkomunikasi dengan amalan kepatuhan Aqilah kepada ayahnya dibuktikan dalam petikan berikut:

“Nenek tidak sihat, elok Aqilah temankan nenek,” kata ayah sambil tersenyum.  
**Aqilah diam membisu.** Dia faham benar dengan sikap ayahnya. Tegas dalam membuat keputusan. Kalau dia sudah buat ketetapan, tidak ada sesiapa boleh bantah. **“Baiklah ayah, Aqilah akan temankan dan jagakan nenek nanti”**, kata Aqilah kepada ayahnya.

(Cerpen *Selagi Masih Ada*, hlm. 5-9)

Watak seterusnya yang memperlihat abad berkomunikasi berkait dengan kepatuhan kepada ibu bapa ialah cerpen *Asam Pedas Tok Wan* karya Nur Shamsiah On (2014), menampilkan watak Tihani. Tihani merupakan anak tunggal dalam sebuah keluarga yang tinggal di bandar tetapi diminta oleh ibunya untuk tinggal bersama dengan neneknya di kampung. Tihani walau pada mulanya enggan bersekolah di kampung namun akhirnya patuh kepada kehendak orang tuanya. Menurut Maslow (1970, hlm. 46), menyatakan sikap ini suatu jalinan perhubungan yang baik antara anak dengan ibunya serta neneknya. Sikap Tihani terhadap ibunya menunjukkan Tihani menghormati keputusan ibunya manakala sikap Tihani dengan neneknya menunjukkan Tihani dapat meneman neneknya yang tinggal keseorangan di kampung. Hal ini dapat disaksikan melalui petikan berikut:

“Mama rasa inilah yang terbaik buat kamu. Tahun depan kamu dah nak ambil UPSR. Di kampung, kamu boleh lebih fokus. Di sini, kamu sering hilang tumpuan. Maklumlah... dengan internetlah, pusat membeli-belahlah dan macam-macam lagilah.” Tihani **hanya membisu ketika itu. Dia tahu. Tiada gunanya jika dia memprotes cadangan itu. Pasti mama dan papanya akan berkeras juga.** **“Baiklah mama, Tihani ikut sahaja apa yang mama cadangkan itu”**, kata Tihani kepada mamanya. Akhirnya dia bersetuju walaupun hatinya berasa amat berat.

(Cerpen *Asam Pedas Tok Wan*, hlm. 79)

Watak Aqilah dan Tihani di dapatkan lebih berdiplomasikan dalam berkomunikasi. Hal ini ditunjukkan oleh penggunaan ‘baiklah’ (sebagai galakan) dalam perbualan mereka bersama ibu bapanya seperti berikut:

1. Aqilah diam membisu. “**Baiklah** ayah, Aqilah akan temankan dan jagakan nenek nanti”
2. Tihani hanya membisu ketika itu. “**Baiklah** mama, Tihani ikut sahaja apa yang mama cadangkan itu”

Rentetan daripada pernyataan di atas, membuktikan bahawa Aqilah dan Tihani lebih menggunakan diplomasi dalam berbicara dengan ibu bapa mereka. Hal ini disebabkan mereka sangat patuh kepada kedua ibu bapanya tanpa didahului dengan ayat-ayat membantah. Oleh kerana itulah, frasa ‘baiklah’ dilihat dalam penggunaannya dengan tujuan tidak membantah demi kepatuhan diri kepada orang tua.

#### *Objektif 2: Kerangka Adab Berkommunikasi*

Adab berkomunikasi dinyatakan dalam Al-Quran menerusi *Surah al-Nahl* (16:125) bahawa, “Serulah kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik serta berbahaslah dengan mereka menggunakan cara terbaik”. Menurut Sayyid Quṭb (1988) dipetik dalam Khairul Azhar (2017) bahawa komunikasi secara berhikmah memerlukan kepada pemerhatian dan penelitian terhadap situasi dan realiti semasa golongan sasar menggunakan teknik komunikasi yang bersesuaian dan berkesan. Kaedah nasihat pula diaplikasikan melalui komunikasi secara lemah-lembut yang mampu meresap ke dalam hati manusia dan bukannya melalui ancaman dan tegahan yang boleh mengaibkan mereka atas segala tindakan yang dilakukan (Khairul, 2017). Justeru, berdasarkan Al-Quran didapati adab berkomunikasi dengan jelas dinyatakan dalam *Surah Luqman* (ayat 13 sehingga 19). Surah ini menggariskan 6 adab komunikasi berkesan iaitu menerusi (i) panggilan, (ii) perlambangan, (iii) pengulangan, (iv) penjelasan, (v) perhatian dan (vi) pemilihan idola seperti penerangan di bawah ini.

#### *Objektif 3: Adab Berkommunikasi dalam Surah Luqman dengan Teks Cerpen Kanak-Kanak Pilihan.*

##### *(i) Kaedah Panggilan atau Sapaan*

Karya sastera merupakan hasil karya dengan bahasa yang indah dan isinya yang bermanfaat kepada khalayaknya. Berdasarkan Al-Quran dalam *Surah Luqman*, ‘panggilan atau sapaan’ merupakan aspek yang penting dalam adab berkomunikasi. Hal ini digambarkan dalam teks cerpen kanak-kanak pilihan bagaimana watak ibu bapa atau orang dewasa yang memulakan perbualan dengan anak-anak menggunakan panggilan manja yang memperlihatkan perasaan cinta dan keprihatinan ibu bapa atau orang dewasa kepada kanak-kanak (Khairul, 2017). Ternyata, panggilan yang lembut ini mampu meresap terus ke hati anak-anak sehingga memudahkan mereka untuk mendengar dan mentaati perintah daripada kedua ibu bapanya (Abdul Hafiz et al., 2012).

Dalam teks cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji mendapati watak orang dewasa iaitu ibu bapa menggunakan panggilan manja tersebut kepada anaknya iaitu boleh dilihat dalam cerpen *Resah dalam Penantian* (2012), cerpen *Gau Merah Jambu* (2013), cerpen *Asam Pedas Tok Wan* (2014), cerpen *Kasihnya Fatima* (2014), cerpen *Nasihat Ratu Hati Syamim* (2014) dan cerpen *Si Pencuri Masa* (2015). Hal ini menunjukkan bahawa panggilan manja tersebut bukanlah

suatu kebetulan sahaja sebaliknya mencerminkan ketelitian pengarang dalam memilih panggilan yang sesuai bagi menarik perhatian kanak-kanak khasnya pembaca. Meneliti teks cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji didapati beberapa kali ‘panggilan’ atau sapaan manja diketengahkan dalam teks terutamanya panggilan ibu bapa atau orang dewasa kepada anak-anak dalam usaha memujuk anak-anak mereka agar berkelakuan baik seperti salah satu petikan di bawah:

“Tolong hantar Tih ke rumah Tok Wan esok. Tih nak makan asam pedas Tok Wan.” “Esok tak boleh, **sayang...**” jawab papanya, lembut. “Wahai anak papá dan mama **yang manja dan lagi elok rupa paras!**, kan mama ada beritahu yang papá ada temujanji dengan kawan-kawan?” “Tih tahu,” ujur Tihani dan air matanya mengalir tanpa disedari. Tapi dah lama Tih tak jumpa Tok Wan. Tih rindu! Lagipun Tih teringin sangat nak makan asam pedas Tok Wan! Tih tak boleh tunggu sampai minggu depan.”

(Cerpen *Asam Pedas Tok Wan*, hlm. 87)

Perkara ini menunjukkan betapa panggilan atau sapaan dari ibu bapa atau orang tua sebagai adab penting dalam berkomunikasi dinyatakan secara jelas dalam teks cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji. Secara tidak langsung membuktikan bahawa ‘panggilan’ sangat dititikberatkan sebagai salah satu adab dalam berkomunikasi berkesan kepada kanak-kanak. Hasilnya, kanak-kanak dapat memahami secara berhikmah menggunakan adab komunikasi yang sesuai dalam institusi kekeluargaan khasnya.

#### *(ii) Kaedah Perlambangan*

Adab berkomunikasi yang seterusnya adalah menggunakan kaedah perlambangan agar sesuatu nasihat itu lebih dekat dan mudah difahami oleh golongan sasaran. Hal ini dibuktikan menerusi beberapa teks cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji iaitu dengan mengingatkan kanak-kanak bahawa adab sesama manusia terutama menjaga laras bahasa dan nada suara ketika berbicara dengan orang yang lebih tua. Contohnya, “Dan janganlah kamu memalingkan mukamu daripada manusia (kerana sompong) dan janganlah berjalan di bumi dengan berlagak sompong”. Dalam teks cerpen kanak-kanak pilihan ini juga turut memperlihatkan larangan ibu bapa atau orang tua kepada anak-anaknya daripada meninggikan suara ketika berkata-kata dengan orang tua. Perkara ini turut dinyatakan dalam *Surah Luqman* (31:19) iaitu, “Dan sederhanalah kamu dalam berjalan dan lunakkanlah suaramu. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai”. Oleh yang demikian, kaedah perlambangan inilah yang diterapkan dalam *Surah Luqman* menepati adab berkomunikasi dalam teks cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji. Petikan di bawah menjelaskan bagaimana Pak Soleh berpesan-pesan kepada kebaikan dipaparkan sewaktu perbualan Pak Soleh dengan Imran dalam cerpen ‘Fatima Solehah’ karya Kamil et al. (2015). Seperti katanya;

“...Kau mestilah selalu berkata benar. Kalau sesuatu itu salah, katakan salah. Kalau orang benci kepada kau, apa boleh buat. Menegakkan hukum Allah memang sulit.” Pak Soleh bersyarah... Imran sedar pendapat-pendapat Pak Soleh

sentiasa bernes dan tegas. Pak Soleh juga seorang yang kaya dengan ilmu pengetahuan.

(Cerpen *Fatima Solehah*, hlm. 68-69)

Seharusnya adab berkommunikasi dengan menggunakan kaedah ‘perlambangan’ turut dilihat menerusi watak kanak-kanak yang mengamalkan amalan berpesan-pesan kepada kebaikan. Pemaparan kaedah ‘perlambangan’ dengan amalan berpesan-pesan kepada kebaikan terpapar menerusi watak Marisa yang sering menasihati dan mengingatkan Nabila dan sebilangan kecil rakan-rakan kelasnya supaya meninggalkan perbuatan negatif yang menjadi amalan mereka seperti berlagak, angkuh dan sering memandang rendah terhadap Mia. Hal ini dapat dilihat melalui contoh petikan berikut:

“Astaghfirullahhaladzim. Nabila, awak kena ingat, semua yang ada pada kita ini datangnya daripada Allah SWT. Kita tak boleh angkuh. Kalau awak tak nak, tak apa. Tapi, saya tetap nak belajar sama-sama dengan Mia,” ujur Marisa sedikit tegas.

(Cerpen *Sombong Membawa Padah*, 2014, hlm. 11)

Justeru, ini bermakna kaedah ‘perlambangan’ sebagai adab berkommunikasi sangat diterapkan dalam teks cerpen kanak-kanak pilihan ini. Walau pada hakikatnya, kanak-kanak tidak memahami secara langsung kaedah berkommunikasi ini namun menggunakan adab berkommunikasi yang menekankan ‘perlambangan’ dalam percakapan sehingga menyebabkan Imran dan Nabila mengakui kesalahan mereka bercakap bohong, angkuh dan sompong. Apatah lagi, mereka turut bersangka buruk terhadap orang lain. Inilah ayat-ayat ‘perlambangan’ yang memerlukan kita menjaga laras bahasa dan nada suara ketika berbicara dengan orang khususnya orang yang lebih tua. Secara tidak langsung, adab berkommunikasi secara ‘perlambangan’ mencirikan keunikan masyarakat Melayu yang kaya dengan kesantunan berbicara walau terselit sindiran yang disampaikan dengan penuh berhemah dan bijaksana.

### *(iii) Kaedah Pengulangan*

Kaedah ‘pengulangan’ berkommunikasi dalam Al-Quran yang diterapkan dalam teks cerpen kanak-kanak pilihan ialah bertujuan memberi penekanan yang boleh mempengaruhi tingkah laku seseorang individu. Berdasarkan *Surah Luqman*, larangan syirik serta saranan bersyukur kepada Allah SWT diulang-ulang oleh ibu bapa ketika menyampaikan nasihat kepada anaknya (Khairul, 2017). Sebagaimana yang dinyatakan dalam surah ini pada ayat ke-12 iaitu, “Dan sesungguhnya telah Kami berikan hikmah kepada Luqman iaitu bersyukurlah kepada Allah. Dan barangsiapa yang bersyukur (kepada Allah) maka sesungguhnya dia bersyukur untuk dirinya sendiri”. Pengarang cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji ini turut mengulanginya kaedah pengulangan berkommunikasi dengan ditambah dengan rasa bersyukur kepada ibu bapa apabila melihat anak-anak mereka mendengar kata dan mengikuti segala pesanan yang diberikan (Muhammad Zafran et al., 2022).

Rentetan itu, penerapan ‘pengulangan’ dalam teks cerpen kanak-kanak pilihan ini ditemui menerusi ‘pengulangan’ ayat, seperti berikut; “Ingin pesan ibu ya, jangan nakal-nakal. Jadi anak yang soleh dan jangan sesekali tinggal solat,” pesan Mak Limah yang diulang beberapa kali sebagai penekanan kepada membuat perkara baik dalam kehidupan. Penerapan ‘pengulangan’ dalam cerpen kanak-kanak pilihan dapat dilihat seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Pengulangan dalam teks cerpen kanak-kanak pilihan

Bil	Cerpen dan Halaman	Petikan
1.	<i>Sahabat Sejati</i> , karya Kamil et. al. (2015, hlm. 20)	“Ingin pesan ibu ya, jangan nakal-nakal. Jadi anak yang soleh dan jangan sesekali tinggal solat,” pesan Mak Limah.
2.	<i>Sahabat Sejati</i> , karya Kamil et. al. (2015, hlm. 21)	“Amin, jangan nakal-nakal ya. Jangan tinggalkan solat dan jadi anak soleh,” pesan Mak Limah kepada Amin.
3.	<i>Nasihat Ratu Hati Syamim</i> , karya Nur Shamsiah On (2014, hlm. 15)	“Syamim, ikut cakap ibu ya. Kalau nak berjaya, jangan berputus asa dan kamu mesti tabah. Taat perintah Allah. Ingin pesan ibu.”
4.	<i>Nasihat Ratu Hati Syamim</i> , karya Nur Shamsiah On (2014, hlm. 17)	Syamim, jangan berputus asa dan mesti kuat jika nak berjaya. Mesti kena tabah dan taat kepada perintah Allah. Ingin pesan ibu.”

Jadual 1 membuktikan bahawa ‘pengulangan’ ayat yang sama oleh ibu Amin dan ibu Syamin kepada anak-anak mereka menunjukkan kesungguhan dan perihatinnya ibu bapa terhadap anak-anak. Namun inilah adab berkomunikasi yang berkesan demi melihat sebuah kejayaan dan kecemerlangan anak-anak.

#### (iv) Kaedah Penjelasan

Kaedah seterusnya iaitu kaedah penjelasan merupakan adab dalam komunikasi yang diterapkan dalam Al-Quran menerusi *Surah Luqman*. Dinyatakan bahawa setiap nasihat atau teguran oleh ibu bapa kepada anaknya perlu diberi penjelasan agar anak-anak faham sebab-musabab kepada nasihat atau teguran tersebut seperti terjemahan berikut:

“Dan Kami perintahkan kepada manusia (agar berbuat baik) kepada kedua ibu bapanya. Ibunya telah mengandungkannya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah, dan menyusukannya dalam masa dua tahun”.

Ayat tersebut menerangkan betapa pentingnya sebagai seorang anak berbuat baik kepada kedua ibu bapanya. Penjelasan kepada ‘berbuat baik’ ini adalah dengan mengambilkira kepentingan proses mengandung, membesarkan anak-anak dan segala pengorbanan ibu bapa melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Allah SWT kepada mereka (Khairul, 2017). Maka, setiap ibu bapa perlu berusaha untuk memberikan penjelasan dalam setiap nasihat dan teguran yang diberikan kepada anak-anak dalam usaha memastikan agar setiap nasihat tersebut diterima dengan penuh kerelaan dan keterbukaan.

Meneliti teks cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji didapati, kaedah penjelasan penting dalam meneruskan urusan berkomunikasi secara berkesan. Misalnya dalam cerpen *Gaun Merah Jambu* karya Natasha Effyzal et al. (2013), pengarang banyak memaparkan adab berkomunikasi dengan penjelasan yang berkait dengan perihal berpuasa. Amalan berpuasa disini diketengahkan secara tidak langsung tetapi memberikan makna yang sangat mendalam kepada kanak-kanak. Misalnya digambarkan watak Raja Amirullah (bapa) dan Permaisuri Saffiya (ibu) yang menerangkan kepada anaknya berkaitan tujuan berpuasa dan bersahur supaya Puteri Arabella dan Puteri Dian Adelia faham dalam melaksanakan amalan tersebut. Hal ini dapat dikesan dalam contoh-contoh petikan di bawah:

Raja Amirullah tersenyum lalu berkata, “Kamu tahu bukan, berpuasa bukan sahaja menahan diri daripada lapar dan dahaga. Berpuasa juga melatih kita supaya tidak bercakap bohong. Sekiranya kita berpuasa, tetapi kita bercakap bohong... buat rugi sahaja. Hanya dapat lapar dan dahagalah.”

(Cerpen *Puteri Arabella*, hlm. 5)

...”Dalam bulan puasa inilah, bulan yang sesuai bagi kita melatih diri supaya melakukan semua amalan dengan ikhlas. Bukan bermakna bulan lain tidak perlu ikhlas. Tetapi kita jadikan bulan ini sebagai bulan latihan kita.” Itu pesan Ustaz Khairi semasa hari kedua umat Islam berpuasa.

(Cerpen *Puteri Arabella*, hlm. 17)

“Kita perlu bersahur. Bukankah bonda pernah beritahu, Nabi Muhammad menggalakkan kita bersahur. Ada keberkatan apabila kita bersahur,” pujuk Permaisuri Saffiya lagi tanpa jemu.

(Cerpen *Puteri Dian Adelia*, hlm. 46-47)

Petikan di atas secara tidak langsung menyatakan bahawa kaedah penjelasan penting sebagaimana yang diutarakan oleh ibu bapa kepada anaknya namun pendapatnya sangat relevan untuk diambil perhatian dan peringatan.

#### *(v) Kaedah Perhatian*

Dalam Al-Quran, ayat 13 dalam *Surah Luqman* dinyatakan bagaimana Luqman masih lagi memantau perkembangan anaknya dengan memberi pelbagai nasihat tanpa jemu. Hal ini menepati kaedah perhatian sebagai salah satu adab dalam berkomunikasi menurut *Surah Luqman*. Berdasar *Surah Luqman*, ibu bapa sewajarnya memberi perhatian dengan meluangkan masa yang berkualiti bersama anak-anak bagi mewujudkan hubungan mesra dan erat dengan mereka. Menerusi kaedah perhatian inilah, anak-anak tidak akan berasa tersisih sehingga memerlukan mereka mencari perhatian daripada individu yang lain. Meneliti teks cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji, mendapati adab berkomunikasi yang menekankan kepada ‘perhatian’ menyebabkan kanak-kanak mendapat kasih sayang yang utuh dari orang tua. Inilah ‘perhatian’ yang diberi oleh ibu bapa kepada anak-anaknya yang merupakan kaedah penting bagi merelevankan komunikasi berkesan. Hal ini bermakna menerusi ‘perhatian’ seorang anak yang

sangat merindui kasih sayang dari ahli keluarga terdekat khasnya ibu, bapa, abang, kakak, nenek dan atuk. Hal ini seperti petikan di bawah:

Atira tidak sanggup melihat Masri berkeadaan sugul. Timbul rasa simpati dalam hatinya. Namun, apabila difikirkan perangai Masri selama ini terhadapnya, memang patut Masri tidak ditolong. Biar padan mukanya. Biar dia kena marah dengan mak.

“Kak, macam mana ni? Mak dah nak balik.”

...Atira akhirnya mengalah. Dia mencari gam untuk mencantumkan kepingan yang pecah. Nasib baik vas itu tidak berkecaci. Kalau pecah berkecaci atau berderai mana boleh digam semula.

(Cerpen *Kasih Sayang Kakak*, hlm. 64)

Menerusi petikan dalam cerpen *Kasih Sayang Kakak*, karya Ahmad Fadzillah Muhamad (2012) turut memperlihatkan adab berkomunikasi dengan kaedah ‘perhatian’ iaitu menerusi watak Masri yang inginkan perhatian dari kakaknya Atira. Bahkan itu juga, pengarang dalam cerpen ini turut menggambarkan pemaparan kasih sayang seorang kakak terhadap adiknya walaupun adiknya itu sering kali menyakiti hatinya. Contohnya, watak Atira diperlihat sebagai seorang kakak yang bertanggungjawab dan sangat baik. Atira juga dikatakan memiliki sepenuhnya nilai kasih sayang terhadap adiknya Masri. Atira tidak pernah membenci adiknya itu walaupun ada kalanya Masri sering menyakiti hatinya dan tidak mendengarnasihatnya.

Malahan frasa “*Atira tidak sanggup melihat Masri berkeadaan sugul. Timbul rasa simpati dalam hatinya*” dan frasa “*Kak, macam mana ni? Mak dah nak balik...*” inilah yang merujuk kepada ‘perhatian’ seorang adik kepada kakaknya. Kaedah ‘perhatian’ yang berbentuk tumpuan dengan penuh kasih sayang ini merupakan satu faktor penting yang membenarkan pujaan dilaksana dengan jayanya. Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa, ayat yang menjurus ‘perhatian’ kepada subjek dalam adab berkomunikasi merupakan elemen utama yang sering dilupakan. Sehubungan itu, teks cerpen kanak-kanak pilihan tanpa disedari terlebih dahulu mengetengahkan untuk menjadi ikhtibar kepada khalayak pembaca khasnya kanak-kanak dalam mencapai urusan komunikasi yang berkesan.

#### *(vi) Kaedah Pemilihan Idola*

Manakala adab berkomunikasi yang terakhir dalam *Surah Luqman* adalah pemilihan Idola. Sebagaimana yang dinyatakan dalam Al-Quran bahawa anak-anak dilahirkan dalam keadaan suci bersih seperti kain putih. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam mencorakkan acuan yang terbaik buat anak-anak mereka terutama mendapatkan keredhaan Allah SWT. Oleh itu, pemilihan idola ini amat penting agar anak-anak lebih mudah meniru dan mempraktikkannya dalam kehidupan mereka.

Menerusi ayat 15 dalam *Surah Luqman* dinyatakan betapa kita perlu menanamkan kepentingan untuk mengikuti jalan individu yang kembali kepada Allah sebagaimana yang dinyatakan iaitu, “Dan ikutilah jalan orang yang kembali kepadaKu”. Maka, pemilihan teman dan persekitaran yang baik juga sangat memainkan peranan dalam membentuk peribadi anak-anak. Oleh itu, menjadi tanggungjawab setiap ibu bapa untuk menyediakan model ikutan terbaik agar

dapat dijadikan tauladan kepada golongan ini. Kecuaian dalam aspek ini boleh mengakibatkan anak-anak bakal terjebak dengan persekitaran dan lingkungan yang buruk sehingga mampu mempengaruhi akhlak mereka.

Berdasarkan teks cerpen kanak-kanak pilihan, didapati adab berkommunikasi yang menekankan kepada ‘pemilihan idola’ dinyatakan daripada awal apabila watak kanak-kanak dalam cerpen kanak-kanak pilihan ini sentiasa menasihati satu sama lain sehinggalah diakhirnya dengan penyesalan dan pengakhiran yang memberikan manfaat serta keinsafan kepada watak kanak-kanak tersebut. Dengan inilah peranan sahabat sejati yang seharusnya dijadikan idola bagi membentuk peribadi kanak-kanak. Petikan di bawah ini membuktikan pernyataan ini iaitu:

“Kadir, jawapan awak salah, pecahan empat per lapan sama dengan satu per dua.” Delaila cuba berbisik kepada Kadir.

“Hei! Si Comot, jawapan saya betullah!” bentak Kadir. Dia menarik bukunya ke tepi. Suara Kadir yang agak kuat menyebabkan murid-murid lain memandang ke arah mereka.

Delaila tergamam, dia menundukkan muka. Terasa malu apabila dipanggil Si Comot oleh Kadir. Bibirnya di kemam-kemam menahan kesedihan. Dia membuka buku dan berpura-pura membaca untuk membuang rasa malu.

(Cerpen *Delaila*, 2015, hlm. 66-67)

“Tolong... kaki saya sakit...”

“Sabar Kadir, saya tolong awak,” Delaila mencari kayu atau sesuatu yang boleh digunakan menarik Kadir keluar.

Delaila meletakkan beg sandangnya. Ketika itu dia terlihat tali begnya. Delaila cepat-cepat menanggalkan tali beg itu lalu dihulurkan ke dalam parit. Kadir cuba menyambut, tetapi tidak sampai. Delaila merebahkan badan di atas tanah, tali dihulurkan lagi sehingga Kadir dapat menyambutnya.

“Awak tunggu sini, saya nak balik ke rumah. Nanti saya minta tolong jiran bawa awak ke klinik.” Delaila bingkas bangun.

(Cerpen *Delaila*, 2015, hlm. 68-69)

Berdasarkan petikan yang dinyatakan itu, dapat diperlihatkan betapa mulianya akhlak Delaila dengan menjaga tutur katanya ketika bercakap dan mengawal sikap di hadapan kawan-kawannya terutama Kadir. Hal ini dilihat berbeza dengan watak dan perwatakan Kadir yang menunjukkan keperibadian yang tidak baik iaitu bersikap kasar, angkuh dan sering memperli dan mengejek Delaila dengan panggilan Si Comot. Selain itu, akhlak mulia yang digambarkan pada watak Delaila turut mencakupi tutur kata yang sopan seperti tidak menyenggung hati dan perasaan orang lain, belajar menghormati, merendah diri, sabar, tabah, mesra dan sebagainya.

## KESIMPULAN

Seseorang kanak-kanak itu perlulah diasuh dan dididik dengan rapi memandangkan sifat semula jadi kanak-kanak yang mudah terdedah dan terpengaruh kepada bahaya persekitaran yang bukan sahaja ditakuti mampu merosakkan fizikal malah dapat merosakkan akhlak kanak-kanak

tersebut. Oleh itu, dalam membentuk keperibadian kanak-kanak yang mulia dan bermoral, cerpen kanak-kanak perlu memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya. Maka, cerpen kanak-kanak yang dihasilkan kini perlulah menitikberatkan aspek mutu dengan mengambil kira adab berkomunikasi berkesan yang dapat memberikan nilai pengajaran kepada khalayak pembaca khasnya kanak-kanak.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan karya dalam Kesusasteraan Melayu Moden yang berada dalam genre Prosa Melayu Moden iaitu cerpen kanak-kanak. Walau para pelakunya yang terdiri daripada individu yang telah dewasa, namun jalan ceritanya amat menarik untuk ditonjolkan dan banyak memberi pedoman buat kanak-kanak. Secara tidak langsung, golongan kanak-kanak ini terus terpelihara adabnya sambil mendapat pengajaran yang berhikmah daripada teks cerpen kanak-kanak ini. Kajian dapat mencapai semua objektif yang digariskan dengan satu rumusan bahawa adab berkomunikasi sangat penting diterapkan seawal usia kanak-kanak. Menerusi komunikasi yang beradab, segala urusan dapat dilalui dengan mudah dan menemui kejayaan. Apatah lagi, kanak-kanak sebagai pewaris generasi akan datang perlu dipupuk minda dan adab sedari kecil bak kata pepatah, ‘Melentur buluh biarlah daripada rebungnya’. Hal inilah yang cuba dibuktikan dalam teks cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji sebagai salah sebuah karya yang berfungsi bukan sahaja memberi pengajaran tetapi menghibur khalayaknya.

Justeru, sudah sampai masanya bahan bacaan kanak-kanak di Malaysia ini digantikan dengan bahan yang cerita sebegini dan bukannya bergantung sepenuhnya kepada karya-karya Barat yang jauh menyimpang daripada adab ketimuran apatah lagi nilai-nilai keislaman. Rentetan daripada itulah, masyarakat perlu kembali kepada khazanahnya sendiri, berfikir dan bertindak mengikut tatacara yang diatur oleh intelektual terdahulu agar definisi ‘sastera’ sebagai bahasa yang indah serta karya yang bermanfaat dapat mencapai matlamat asal penulisannya.

#### BIODATA

*Farra Humairah Mohd* ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Email: farrahumairah@fbk.upsi.edu.my

*Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi* ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi Moden, Universiti Putra Malaysia. E-mail: nrafidah@upm.edu.my

*Fazilah Husin* ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi Moden, Universiti Putra Malaysia. Email: fazilahh@upm.edu.my

*Anida Sarudin* ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Email: anida@fbk.upsi.edu.my

*Nur Farahkhanna Mohd Rusli* ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Email: farahkhanna@fbk.upsi.edu.my

#### RUJUKAN

- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. (2001). *Santun komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa, & Ahmad Munawar. (2012). Memperkasakan jati diri Melayu Muslim menerusi pendidikan Islam dan pengajaran akhlak. *Jurnal Hadhari, Special Edition*, 23-35.
- Ahmad Fadzilah Muhamad. (2012). *Wajah pada skrin*. Kajang: Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Al-Quran.
- Al-Attas, S. M. N. (2001). *Risalah untuk kaum muslimin*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Arba'ie Sujud, & Nik Rafidah Nik Muhamad Effendi. (2011). Pembentukan emosi kanak-kanak melalui bahan bacaan sastera. *Jurnal Pengajian Melayu*, 22, 66-89.
- Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, & Lily Salwani Razali. (2011). Fenomena sosial dalam cerita rakyat kanak-kanak. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 2(1), 138-151.
- Arba'ie Sujud, Nurul Azimah Abdull Sedik, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, & Intan Zahariah Gaisun. (2014). Ekspresi emosi melalui bahan bacaan sastera kanak-kanak. *Jurnal Melayu*, 13, 72-84.
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Yusof Boon, & Jamaludin Ramli. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Sdn. Bhd.
- Azman Wan Chik. (1989). *Mengapa kanak-kanak membaca? Konvensyen Sastera Kanak-kanak 1989, 26-27 Jun 1989*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cook-Gumperz, J., & Corsaro, W. A. (1977). Social-ecological constraints on children's communicative strategies. *Jurnal of Sociology, Sage Publications*, 11(3), 411-434.
- Faridah Samsudin. (2003). *Masalah penerbitan buku kanak-kanak* (Kertas kerja seminar). Kertas Kerja Terbitan Sastera Kanak-kanak, 22 hingga 23 Oktober, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Farra Humairah Mohd, & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Pemikiran kerohanian dalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir dan kesan positif kepada kanak-kanak. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 35-51.
- Farra Humairah Mohd. (2018). *Pemikiran dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 hingga 2015* [Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia]. UPMIR.
- Faziela Abu Bakar @ Che Din, & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Unsur konflik dalam novel remaja terpilih. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 52-63.
- Hadijah Rahmat. (2006). *Peranan dan perkembangan sastera kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halliday, M. A. K. (1975). *Learning how to mean: Explorations in the development of language*. London: Edward Arnold. <https://doi.org/10.1016/B978-0-12-443701-2.50025-1>
- Hybels, S., & Weaver, H.R. 2001. *Communicate effectively* (6th ed.). Boston: McGraw-Hill.
- Izzah Abdul Aziz. (2001). *Kesusasteraan kanak-kanak dan remaja di Malaysia: Suatu kenyataan atau impian?* (Kertas kerja seminar). Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-kanak dan Remaja, 7 hingga 8 November, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Kamil, Kusyi Hirdan, Roziah Adama, Siti Zarina, & Tg. Norlaila. (2015). *Kek cawan online*. Shah Alam: Prima Sdn. Bhd.

- Khairul Azhar Meerangani. (2017). Kaedah pembentukan karakter anak-anak menurut Islam: Analisis Surah Luqman. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pembangunan Insan, Kolej Universiti Islam Melaka, Melaka.*
- Mahzan Arshad. (2004). *Kajian tentang bahan sastera kanak-kanak di Malaysia* (Kertas kerja seminar). Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-kanak, 28 November, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Misran Rokimin. (2001). *Sastera kanak-kanak dan remaja sebagai agen pembangunan* (Kertas kerja seminar). Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-kanak, 26 hingga 27 April, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mohd. Sharif Mohd. Saad, & Alimah Salam. (2001). *Pengisian dan pengukuhan sastera kanak-kanak dan remaja pada alaf baru. Peranan dan cabaran perpustakaan* (Kertas kerja Seminar). Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-kanak, 26 hingga 27 April, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Muhammad Zafran Anas Ahmad Nor Khushairi, Hasrul Hashim, & Nurul Akqmie Badrul Hisham. (2022). Analisis estetika penerbitan kandungan kreatif video media sosial: Kajian terhadap Instagram Khairulaming. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38(4), 268–285. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2022-3804-15>.
- Muhd Norizam Jamian, & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2015). Kesusasteraan Melayu tradisional sebagai wadah komunikasi massa: Suatu analisis. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 183-194. <http://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/14925>.
- Natasha Effyza, Aizam Aiman, Iman Qaisara, Haryani Kamilan, & Adha Ameera. (2013). *Kisah Si Puteri: Kami puteri hebat*. Selangor: PTS One Sdn. Bhd.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Awang Azman Awang Pawi, & Rahimah Hamdan. (2018). The elements of thinking in Archipelago's Fables from the perspective of children in the 21st century. *Advanced Science Letters*, 24(7), 4767-4769.
- Nur Shamsiah On. (2014). *Kerana ais krim & makaron*. Kuala Lumpur: Ana Muslim Sdn. Bhd.
- Othman Puteh. (2000). *Sastera kanak-kanak dan remaja dalam konteks pendidikan era globalisasi* (Kertas kerja seminar). Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-kanak, 7 hingga 8 November, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud. (2018). 'Duka Yang Bertakhta': Adab Pemerintah dalam Dua Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1(1), 233- 272.
- Rahimah Hamdan. (2021). Adab berkomunikasi watak dalam Hikayat Khoja Maimun. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4(13), 9-23.
- Rahimah Hamdan, & Siti Nor Harmiza Ibrahim. (2019). The code of conduct (Adab) for rulers in two malay masterpieces. *International Journal of Academic Research Business and Social Sciences*, 9(5), 114–127.
- Safinah Ismail. (2018). Elemen komunikasi bapa dalam Surah Luqman. *Proceedings of 4th International Conference on Islamiyyat Studies, Bandar Baru Bangi, Selangor*, 18-19 September.
- Safinah Ismail, Rosmawati Mohammad Rasit, & Zulkefli Aini. (2019). Mesej komunikasi keluarga dalam Surah Luqman. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 6(1), 201- 213.

- Samsudin A. Rahim. (2001). Media dan identiti budaya: Membangunkan industri kandungan tempatan yang berdaya tahan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 17, 67-80. <https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/22147>
- Siti Khariah Mohd Zubir, & Norol Nizam Sarkawi. Pemikiran pengarang dalam Novel Jerji Kasih karya Ramlah Abdul Rashid. *Jurnal Pusat Ilmu dan Bahasa (MANU)*, 17, 147-169.
- Siti Nazihah Sarpin. (2009). *Mendidik anak-anak supaya taat akan syariah*. <http://076115aziz.blogspot.my/2009/03/mendidik-anak-anak-supaya-taat-akansyariah.html>
- Siti Zuhaidah Zakaria, & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2014). Konflik dalam Cerita Rakyat dan kesannya kepada kanak-kanak. *PENDETA:Journal of Malay Language, Education and Literature*, 5, 185-205.